

11/04/2000

UPSI tubuh kerusi pendita Za'ba

Abdul Jalil Ishak

UNIVERSITI Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini membentuk Kerusi Za'ba di UPSI sebagai tanda mengenang sumbangan tokoh terbabit yang pernah menerima jolokan pendeta bahasa Melayu.

Pendeta Za'ba turut dikenali sebagai salah seorang arkitek sosial bangsa Melayu, peneraju agama, tokoh Umno, nasionalis, pentadbir dan reformis dalam jentera kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancaran Kerusi Za'ba, Prof Dr Abu Bakar Nordin, berkata ia akan dilancarkan dalam majlis Makan Malam yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

"Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun, akan merasmikan pembentukan kerusi berkenaan pada 29 April ini," katanya dalam pertemuan dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Simposium Jati Diri Melayu Abad 21 akan turut berlangsung pada sebelah pagi dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan membentangkan ucap utama dalam majlis berkenaan.

Prof Abu Bakar berkata, UPSI yang sebelum ini dikenali sebagai Sultan Idris Training College (SITC), pernah menjadi pusat kecemerlangan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu di rantau Alam Melayu.

"Sejak Pejabat Karang Mengarang dibentuk pada 1924, Pendeta Za'ba dilantik sebagai ketua penterjemah dan menghasilkan pelbagai buku tatabahasa termasuk Pelita Bahasa Melayu Jilid I,II,dan III, Ilmu Mengarang Melayu dan Daftar Ejaan Jawi," ujarnya.

Selain menulis dalam beberapa jurnal terkenal, antara tugas Za'ba di Pejabat Karang Mengarang ialah menerbitkan buku bagi kegunaan sekolah Melayu (The Malay School Series) dan perpustakaan umum (The Malay Home Library Series).

Bahan berkenaan kini menjadi sumber rujukan ahli bahasa dan guru bahasa Melayu dan pembentukan Kerusi Za'ba atau Institut Za'ba dapat meneruskan kesinambungan kecemerlangan warisan yang dimainkan Pejabat Karang Mengarang di SITC dulu.

Prof Abu Bakar berkata, kerusi berkenaan diharap dapat menjadikan UPSI sebagai pusat penjana dan penataran bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu di peringkat dunia, sekali gus memaparkan imej Melayu antarabangsa di dunia.

"Kita mahu menjadikan UPSI sebagai pusat dokumentasi dan manuskrip mengenai peradaban Melayu. Saya yakin pembentukan kerusi ini tidak bertindan dengan tugas agensi lain yang bergiat cergas dalam bidang bahasa dan kesusasteraan," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik) UPSI, berharap dengan adanya kerusi berkenaan, UPSI dapat menjana teori baru berhubung pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Pemegang kerusi berkenaan akan bertanggungjawab menjalankan projek dan kajian membina, mengembang dan memantapkan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu, supaya dapat bersaing dengan bangsa lain di dunia.

Selain itu, pemegang kerusi itu juga dikehendaki menjalankan penyebaran ilmu kebahasaan, termasuk mengadakan kuliah, seminar dan bengkel bagi mengembangkan kepakaran dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu.

Lembaga Pemegang Amanah Kerusi Za'ba akan memilih tokoh yang layak berdasarkan keupayaan mereka dalam bidang pengajian bahasa, kesusasteraan atau kebudayaan Melayu.

"Dana Kerusi Za'ba pula akan diuruskan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Akademik) UPSI, pendaftar selaku setiausaha, bendahari dan dua ahli jawatankuasa lain," katanya.

(END)